



MUHYIDDIN beramah mesra dengan orang ramai selepas melancarkan Hari Buah Pinggang Sedunia 2012 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.

Kerajaan, NGO komited tingkat khidmat dialisis

KUALA LUMPUR: Kerajaan bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) komited membantu meningkatkan perkhidmatan dialisis untuk pesakit buah pinggang, termasuk dalam bentuk subsidi dan geran bagi memastikan ia memberi manfaat kepada masyarakat.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata kerajaan memperuntukkan RM171.1 juta sejak 2001 hingga 2010 dalam bentuk subsidi rawatan haemodialisis kepada beberapa NGO di se-

luruh negara.

"Kerajaan menyediakan RM20.15 juta dalam bentuk geran kepada pusat haemodialisis NGO untuk membeli mesin haemodialisis.

"Dianggarkan 23,390 pesakit mendapat manfaat hasil inisiatif kerajaan ini dalam tempoh itu dan ini jelas memaparkan kesungguhan kerajaan membantu pesakit yang memerlukannya," katanya berucap pada pelancaran sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2012 di Dataran Merdeka, di sini, semalam.

Hadir sama Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai dan Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin.

Muhyiddin berkata, selain kaedah dialisis untuk pesakit buah pinggang, alternatif lain melalui pembedahan pemindahan organ.

Katanya, ketika ini dianggarkan 15,078 pesakit mendaftar untuk pemindahan organ, dan daripada jumlah itu 15,055 adalah pesakit buah pinggang, manakala 18 lagi untuk pemindahan hati, selebihnya pesakit

kit jantung dan paru-paru.

Sementara itu, Liow berkata, jumlah penderma organ dalam negara masih rendah iaitu hanya 0.3 peratus bagi setiap juta rakyat, berbanding lima peratus bagi setiap juta rakyat di Singapura. Sepanyol mencatat kesedaran penderma organ paling tinggi iaitu 35 peratus bagi setiap juta rakyatnya.

"Kita harap melalui pelbagai kempen dilaksanakan, jumlah penderma organ dapat dipertingkatkan," katanya.